

12 JAN 2001

Mahathir-Formula (Bergambar)

JANGAN BIARKAN FORMULA NEGARA MUSNAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat Malaysia supaya jangan sekali-kali membiarkan musnah formula unik yang selama ini terbukti berkesan membawa pembangunan dan keharmonian kepada negara.

Perdana Menteri berkata formula itu ialah politik yang sederhana, perpaduan kaum dan jentera pentadbiran yang patuh menerima arahan dan melaksanakan dasar-dasar yang dibuat oleh kerajaan pilihan rakyat.

"Wawasan 2020 yang hanya tinggal 19 tahun lagi bukanlah sesuatu yang mustahil dicapai oleh rakyat Malaysia jika semua faktor itu 'in place'," katanya ketika menyampaikan amanat pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Kedua di Intan Oukit Kiara, di sini.

Katanya, semua faktor yang telah menyumbang kepada wujudnya Malaysia yang maju, aman dan membangun sekarang mesti terus dipertahankan.

Beliau memberitahu para pegawai tertinggi kerajaan yang hadir pada majlis itu tentang kekagumannya atas sikap profesionalisme mereka selama ini yang membolehkan semua rancangan dan dasar kerajaan untuk manfaat rakyat berjalan lancar.

Namun, Perdana Menteri berkata, sudah ada tanda-tanda bahawa bibit kebencian terhadap kerajaan pilihan rakyat ini cuba disemaikan di kalangan anggota pentadbiran.

Dr Mahathir berkata sekarang sudah ada pihak yang mendakwa kononnya jentera pentadbiran tidak senang hati dengan kerajaan dan melemparkan tuduhan seperti kerajaan korup, mengamalkan kronisme dan tidak Islam serta menimbulkan kebencian yang khusus ditujukan kepadanya.

"Dengan kerana itu komitmen untuk menjadi pentadbir yang profesional sudah lupus, sudah relaks sehingga kadang-kadang urusan kerajaan tidak dijalankan sebagaimana dikehendaki," katanya.

Ini bukanlah petanda yang baik, kata beliau.

Bagaimanapun, kata Dr Mahathir, kejadian serupa itu tidak banyak dan belum serius sehingga usaha pembangunan negara tidak dapat diteruskan dan kerajaan yang ada menjadi tidak berkesan.

Perdana Menteri berkata kerajaan bukanlah tidak boleh dicabar kerana kerajaan tanpa cabaran akan menjadi kerajaan yang tidak baik lantaran ia akan menjadi terlalu yakin dan tidak lagi mendengar suara rakyat.

Dalam sistem demokrasi, sesebuah kerajaan yang tidak berusaha menunaikan janji kepada rakyat akan jatuh, katanya.

Dr Mahathir, yang beberapa kali menyatakan kegembiraannya dengan tahap profesionalisme pentadbiran negara, berharap mereka terus menerima dan melaksanakan dasar dan rancangan kerajaan serta tidak membiarkan perasaan peribadi mengatasi pertimbangan profesionalisme.

Katanya, pentadbiran negara merupakan antara faktor terpenting yang bakal menentukan Malaysia mampu mencapai Wawasan 2020 di samping berupaya menghadapi cabaran mendatang yang jauh lebih besar daripada yang dihadapi Malaysia sejak 43 tahun merdeka.

"Apakah mampu kita terus membangunkan negara? Dapatkah kita tentukan hubungan kaum kita terus baik? Dapatkah kita tentukan politik kita terus sederhana dan tidak keterlaluan sehingga rosak negara dan menukar kerajaan sepanjang masa?"

"Apakah dapat kita meneruskan pentadbiran yang profesional negara kita?" beliau menghujani pertanyaan kepada para pegawai tinggi kerajaan itu, yang sepanjang kira-kira sejam ucapannya, memberi perhatian penuh

terhadap amanatnya.

Beliau berkata dalam amalan demokrasi, cuma undi yang digunakan untuk menukar kerajaan dan tidak perlu kepada peperangan, tetapi menukar kerajaan juga tidak sepatutnya dilakukan semata-mata kerana ingin tukar lantaran sebarang pertukaran kerajaan akan mengakibatkan ketidakstabilan negara.

Dr Mahathir, yang mengimbuai sejarah pentadbiran negara sejak merdeka, berkata keupayaan pentadbiran Malaysia kini diakui dan diiktiraf dunia, dan bagi banyak negara, Malaysia kini bukan lagi negara membangun tetapi negara maju dan negara contoh bagi Dunia Ketiga dan dunia Islam.

Katanya, pengiktirafan itu disebabkan antaranya faktor penting pentadbiran negara yang cekap, berdedikasi, patuh dan berkongsi wawasan yang sama dengan kerajaan pilihan rakyat iaitu bersungguh-sungguh untuk memajukan negara dan rakyat.

Beliau berkata bagi pentadbiran negara berkongsi wawasan yang sama dengan kerajaan bukanlah sesuatu yang buruk kerana rakyat Malaysia sendiri telah mendapat nikmat daripada dasar dan perancangan kerajaan, termasuk daripada segi memastikan sara hidup yang rendah.

Perdana Menteri berkata Malaysia tidak mengutamakan jumlah pendapatan yang diukur berdasarkan KNK (GDP) per kapita tetapi lebih kepada kuasa membeli rakyat.

Beliau memberi contoh Amerika Syarikat yang mempunyai KNK per kapita sebanyak US\$26,000 berbanding dengan Malaysia yang mempunyai KNK per kapita US\$4,000, tetapi kuasa membeli rakyatnya adalah rendah kerana kos sara hidup yang tinggi berbanding rakyat Malaysia.

Walaupun KNK per kapita Malaysia hanyalah US\$4,000, kuasa membeli rakyat hampir tiga kali ganda atau bersamaan US\$11,000, katanya.

Pada majlis itu Dr Mahathir juga mengadakan dialog secara tertutup dengan para pegawai tinggi kerajaan. Perdana Menteri yang diiringi Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Tan Sri Samsuddin Osman kemudiannya menunaikan solat Jumaat di surau Intan bersama kakitangan awam.

-- BERNAMA

MNY ES NMO